

08/01/2002

Kurang guna pakej fiskal tidak jejas unjuran ekonomi

UNJURAN pertumbuhan ekonomi tiga peratus tahun ini dijangka tidak terjejas walaupun hanya 50 peratus daripada keseluruhan pakej rangsangan fiskal RM7.3 bilion yang diumumkan tahun lalu, dibelanjakan.

Pakar ekonomi berpendapat, unjuran pertumbuhan ekonomi tiga peratus itu tidak terjejas kerana ia sebenarnya ialah angka konservatif yang dibuat berdasarkan jangkaan pemulihan ekonomi Amerika Syarikat (AS).

Pensyarah Fakulti Pengurusan dan Perniagaan Universiti Kebangsaan Malaysia, (UKM), Prof Dr Barjoyai Bardai, berkata walaupun peruntukan pakej rangsangan fiskal tahun lalu tidak habis digunakan, ia tidak akan menjejaskan unjuran itu.

"Sebenarnya, oleh kerana ekonomi AS diramalkan hanya pulih pada enam bulan kedua tahun ini, pakej rangsangan itu dilaksanakan tahun lalu bagi membantu pertumbuhan ekonomi Malaysia untuk setengah tahun pertama 2002," katanya.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa daripada keseluruhan pakej rangsangan fiskal RM7.3 bilion yang diumumkan tahun lalu, hanya 50 peratus sudah dibelanjakan.

Bagaimanapun, Barjoyai berkata, kurangnya penggunaan peruntukan daripada pakej itu mungkin memperlahankan pertumbuhan ekonomi negara, terutama pada enam bulan pertama tahun ini.

Menurutnya, ia secara tidak langsung mungkin menyebabkan pemulihan ekonomi menjadi agak perlahan berbanding potensi sebenarnya dan sebahagian besar daripada sasaran tiga peratus akan diraih pada separuh tahun kedua 2002.

(END)